

Frequently Asked Questions

Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013

- 1. Adakah MARA menawarkan beraswa kepada para pelajar?**
 - Tidak. MARA hanya menawarkan pinjaman pelajaran MARA kepada pemohon berjaya.

- 2. Perlukah saya membayar semula pinjaman saya?**
 - Ya, anda perlu membayar semula PINJAMAN yang telah diberikan oleh MARA.

- 3. Adakah MARA akan menukar pinjaman saya kepada beraswa sekiranya saya cemerlang di dalam pengajian, contoh saya tamat pengajian dengan CGPA 4.00?**
 - Tidak, anda perlu membayar semula pinjaman yang telah diberikan MARA.

- 4. Bukankah MARA ada menyediakan beraswa kepada para pelajar cemerlang?**
 - Tiada. MARA telah menamatkan sebarang bentuk beraswa kepada para pelajar semenjak tahun 2000 lagi.

- 5. Adakah sebarang pengurangan pinjaman akan diberikan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang apabila tamat pengajian kelak?**
 - Ya. MARA menawarkan pengurangan bayaran balik keseluruhan pinjaman sehingga 90% bergantung kepada keputusan selepas tamat pengajian.

- 6. Apakah perbezaan antara Skim Pelajar Cemerlang (SPC) dan Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang dianjurkan MARA?**
 - Tiada perbezaan. Program Khas adalah nama baru selepas penjenamaan semula dibuat oleh Bahagian Penganguran Pelajaran (BPP) MARA.

- 7. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia?**
 - Permohonan hanya boleh dibuat melalui atas talian (online) melalui laman web rasmi MARA atau Facebook rasmi.
 - Tiada sebarang borang perlu dicetak / dihantar bagi permohonan yang dibuat.
 - Pemohon boleh memohon daripada URL / LINK yang diberikan di dalam iklan penuh yang boleh didapati di dalam laman web rasmi MARA atau Facebook rasmi.

- 8. Berapa lamakah masa yang diberikan bagi permohonan Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang dianjurkan MARA pada 2013?**
 - Seperti yang diiklankan, permohonan dibuka selama 8 hari mulai 21 – 28 Mac 2014.

- 9. Bagaimakah cara untuk memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang dianjurkan MARA sekiranya saya terlepas peluang tersebut?**
- Tiada cara yang lain. Permohonan hanya boleh dibuat melalui URL / LINK khas yang diberikan dan ianya hanya boleh dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan sahaja.
- 10. Saya mendapat 8A+ dan 1C di dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2013 yang baru diumumkan. Adakah saya layak memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang dianjurkan MARA pada 2014?**
- Bagi program persediaan sambungan ke peringkat Ijazah Pertama (Program Ijazah Luar Negara / Program Ijazah Dalam Negara), syarat asas menetapkan pelajar tidak boleh mendapat C dalam mana-mana subjek utama.
- Walau bagaimanapun, anda layak untuk memohon bagi program Diploma Cemerlang MARA kerana syarat yang berbeza ditetapkan bagi program tersebut. Sila rujuk lampiran program yang ditawarkan MARA bagi maklumat lanjut.
- 11. Talian telefon yang disediakan MARA susah dihubungi, samada tidak dijawab atau tidak dapat dihubungi (engage). Kenapa?**
- MARA mempunyai kakitangan yang sangat terhad untuk mengendalikan sesuatu program yang dijalankan. Terdapat lebih kurang 4 orang pegawai sahaja yang menguruskan sesuatu program dan mereka perlu melayan pelanggan yang hadir ke pejabat / kaunter Bahagian Pengajuran Pelajaran MARA (walk-in customer) ataupun menjawab panggilan telefon. Diharap anda faham dengan situasi ini.
- 12. Bolehkah saya memohon kepada kedua-dua penaja iaitu MARA dan JPA?**
- Tidak boleh. Pemohon hanya boleh memohon salah satu penaja sahaja, samada MARA ataupun JPA.
- MARA dan JPA menggunakan sistem permohonan yang sama. Jika sudah memohon ke 1 penaja (MARA / JPA), secara automatik sistem tidak akan membenarkan pemohon membuat permohonan ke penaja berikutnya.
- 13. Bagaimana dengan penaja lain seperti Bank Negara, Petronas, Sime Darby dan sebagainya?**
- Selain MARA ataupun JPA, pemohon bebas memohon kepada penaja-penaja lain.
- 14. Berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2013 saya / anak saya, apakah kursus / program yang paling sesuai untuk saya / anak saya?**
- Sila rujuk rujuk lampiran program yang ditawarkan MARA bagi mendapatkan jawapan tersebut.

15. Bolehkah saya memohon secara manual / menghantar borang permohonan?

- Tidak boleh. Pemohon perlulah memohon menerusi URL / LINK yang diberikan sahaja dalam tempoh masa yang ditetapkan sahaja. Sebarang bentuk permohonan secara manual tidak akan dilayan.

16. Selepas saya memohon, saya dapati saya tidak perlu menghantar apa-apa dokumen ataupun borang pemohonan. Kenapa?

- Hanya pelajar yang disenarai pendek sahaja untuk dipanggil temuduga sahaja akan diminta untuk menghantar borang permohonan dan juga lain-lain dokumen berkaitan.